

RABU • 25.01.2017

ALAMAKAD

Pelajar UMP berbakti di Satun

UTUSAN MALAYSIA (ALAM AKADEMIK) 25 JAN 2017 m/s 30

Oleh SITI NORIZAT
SHIKH ABDUL JALIL
utusahktn@utusan.com.my

■ KUANTAN 24 JAN.

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) menghantar seramai 35 pelajarnya bagi menjayakan program Global Student Outreach(GSO)@Thailand di Kampung Tammalang di Satun, Thailand baru-baru ini.

Program anjuran Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (Peka) 2 dan Sekretariat Generasi Siswa Sihat (Genesis) itu memberi peluang kepada penuntut melakukan aktiviti kemasyarakatan sepanjang seminggu berkampung di situ.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrrie Zainuddin berkata, program itu memberi peluang kepada penuntut menjiwai semangat saling membantu dan berkongsi kepakaran mereka dengan kerja di lapangan yang boleh dimanfaatkan komuniti setempat.

“Program ini merealisasikan hasrat UMP dalam memperkasakan agenda kesukarelaan, universiti-komuniti dan memasyarakatkan teknologi.

“Antara aktiviti yang dijalankan adalah pemeriksaan kesihatan, pemeriksaan pendawaian elektik di rumah-rumah, memasang diod pemancar cahaya (LED) yang lebih menjimatkan, bergotong-royong dalam aktiviti kenduri serta majlis berkhataan.

“Bantuan ini bukan sahaja dapat meringankan beban penerima malah dapat membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup mencari rezeki di laut dengan memperbaiki kebocoran dan mengecat semula bot-bot nelayan di kawasan itu,” ujarnya.

Program yang turut mendapat kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pusat Kesihatan UMP dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) itu dirasmikan wakil Gabenor Wilayah Satun, Söbri Matman.

Pada program tersebut, UMP

menyampaikan sumbangan kepada Tadika Nur Al-Naim dan Masjid Kampung Tammalang Hilir Satun seperti peralatan pembelajaran, al-Quran, naskah surah Yassin, telekung dan sejadah yang dikumpulkan daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu.

Sementara itu, pengarah program, Muhammad Alif Mahiddin, 23, dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKASA) UMP berkata, penuntut berpeluang melihat suasana kehidupan masyarakat di Satun dan berkongsi pengalaman dengan mereka.

“Peserta juga turun padang membantu kanak-kanak dalam modul pendidikan dan penjagaan kesihatan dengan betul selain diajar menggunakan komputer.

“Lebih meriah apabila kira-kira 1,000 pengunjung terdiri daripada masyarakat setempat hadir pada program Forum Perdana yang disampaikan penceramah Pencetus Ummah (PU), Muhammad Hafiz Mohd Haneefa,” katanya.

YUSERRIE ZAINUDDIN (lima kiri)
bersama sukarelawan pelajar menyertai
program Global Student Outreach(GSO)
@ Thailand di Kampung Tammalang,
Satun,Thailand, baru-baru ini.

